

Jeti lama akan diganti baharu

Kerajaan negeri sedia salur bantuan sokongan bagi pastikan kemudahan selamat diguna

TANJUNG SEPAT - Masih terdapat jeti haram yang dibina sekurang-kurangnya 40 tahun lalu di negeri ini tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kebanyakan jeti yang dibina atas rizab sungai sepatutnya diuruskan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Lembaga Urus Air Selangor (Luas).

"Saya sendiri lihat keadaan yang berlaku seperti di Sabak Bernam, Kuala Selangor dan beberapa kawasan lain sekali gus mencadangkan supaya program pemutihan dapat dijalankan.

"Ini bagi memastikan jeti haram yang usang dan tidak selamat ini dibina semula dan diselenggara pihak bertanggungjawab," katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Pembinaan Semula Jeti Nelayan Tanjung Sepat, semalam.

Mohamed Azmin berkata, beliau mengambil contoh inisiatif Adun Tanjung Sepat, Ir Haslin Hassan yang berbincang



Jeti Nelayan Tanjung Sepat masih dalam pembinaan.

bersama persatuan nelayan bagi membina baharu kemudahan jeti nelayan sepanjang 306 meter.

"Untuk projek berkenaan, kerajaan negeri meluluskan peruntukan RM3.1 juta dan dijangka siap sepenuhnya pada 24 Januari 2017.

"Saya tak nak dengar lagi jeti runtuh hingga mengakibatkan kemalangan," katanya.

Menurut beliau, bagaimana pun kerajaan negeri boleh menyalurkan bantuan sokongan

terhadap mana-mana jeti yang uzur namun perlu mendapat keputusan bersama pelbagai pihak termasuk Pejabat Daerah.

Pada program tersebut, Mohamed Azmin turut meluluskan peruntukan sebanyak RM26 juta bagi projek tambahan banjir di Kuala Langat termasuk membina ban Sungai Langat dengan kos RM3.5 juta, pembinaan pengawalan hakis-an pantai sebanyak RM5.3 juta dan kerja membina rumah-pam sekitar daerah ini sebanyak



Sebahagian penduduk tidak melepaskan peluang mengucapkan terima kasih kepada Mohamed Azmin ketika lawatannya ke Tanjung Sepat, semalam.

RM4 juta.

Katanya, projek berkenaan telah disusun sepanjang tahun ini dan sebahagiannya dijangka siap selewat-lewatnya Mei tahun depan.

"JPS akan memantau jadual pelaksanaan supaya dapat menangani masalah banjir yang se-

ring berlaku di kawasan ini.

"Peruntukan ini juga dikeluarkan berikutan rungutan penduduk sendiri," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan Adun Tanjung Sepat, Ir Mohd Haslin bersama beberapa pegawai pengiringnya cedera ringan apabila Jeti

Nelayan Tanjung Sepat runtuh pada 25 Jun 2013.

Susulan kemalangan itu, Mohd Haslin telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bersama persatuan nelayan dan memohon pembinaan jeti mengikut spesifikasi dan mematuhi piawaian keselamatan.